

'Jangan lebih-lebih'

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

[Tweet](#)



G+ 0



HAMZAH pada sidang media selepas melancarkan kempen #janganlebihlebih di Putrajaya, hari ini. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

PUTRAJAYA: "Saya tidak akan naikkan harga gula."

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin, tegas memberi jawapan itu ketika mengulas permintaan MSM Malaysia Holdings Bhd untuk menaikkan harga runcit gula.

Hamzah mengingatkan pengilang supaya tidak keterlaluan mengaut keuntungan dengan menegaskan harga runcit gula RM2.95 sekilogram ketika ini adalah adil dan munasabah untuk semua pihak, baik pengguna mahu pun pengilang.

"Kenapa saya perlu naikkan harga gula? Semua orang tahu harga gula mentah dunia menurun ketika ini.

"Masa kita naikkan dulu memang betul harga gula mentah dunia meningkat sehingga 22 sen satu paun.

"Sekarang harganya turun kepada 17 sen satu paun, jadi kenapa nak naikkan harga? Apa yang kita naikkan 11 sen (Mac lalu) pun saya rasa dah mencukupi. Cukup-cukuplah tu, jangan lebih-lebih," katanya pada sidang media selepas melancarkan kempen #janganlebihlebih di sini, hari ini.

Katanya, pihak pengilang sudah menemuiinya dan mengusulkan perkara itu.

"Saya kata tidak. Saya tidak akan menaikkan harga melainkan ia benar-benar memberi kesan kepada kilang. Ketika ini,kekalkan harga," katanya.

Baru-baru ini, MSM Malaysia Holdings Bhd berharap kerajaan menaikkan harga runcit gula sebanyak 29 sen sekilogram bagi mengimbangi kos pengeluaran.

Sementara itu, kempen #janganlebihlebih yang dilancarkan sempena sambutan Ramadan dan Aidilfitri bertujuan memupuk kesedaran supaya pengguna beringat ketika berbelanja dan tidak melebihi keperluan.

Turut dilancarkan video kempen berdurasi 20 saat dalam tiga siri mengisahkan tabiat suka membazir dan berlebihan dalam kalangan pengguna.